

Kesaksian dari Taiwan:

Ahlee, seorang wanita Indonesia yang tinggal di Taiwan selalu pergi ke kebaktian Kristian. Tiga tahun sebelumnya, dia telah pulang ke Indonesia ke kampungnya. Seorang jiran telah menggalakkannya mendapat azimat dari seorang bomoh untuk perlindungannya. Akibatnya Ahlee masih pergi ke gereja dan membaca Alkitab Indonesianya tetapi tidak bertumbuh dalam imannya. Namun, suatu hari

dia telah bertemu dengan seorang yang pernah menganut Buddha di gereja itu. Dia menerangkan bagaimana dahulu dia juga pernah memegang azimat, tetapi akhirnya dia telah membuang azimatnya apabila dia menyadari bahawa benda itu menghalang hidupnya dengan Kristus. Selepas itu hidupnya berubah. Ahlee mengikut nasihat orang itu dan membuang azimatnya. Dia meletakkan imannya ke dalam Kristus sepenuhnya dan menemui hidup benar.

Dua Kesaksian dari Wilayah Xinjiang, China:

Seorang Kristian yang belajar di Xinjiang pada tahun 2006 ditempatkan dengan seorang lelaki tempatan di asrama. Teman sebiliknya itu baru-baru menerima Yesus kerana dia telah menemuiNya dalam mimpi, namun dia tidak memahami Alkitab. Oleh itu, orang Kristian itu menjadi guru dan pembimbingnya. Setiap hari, mereka menyelubungi diri mereka dengan Kebenaran. Kemudian pada tahun 2007 orang Kristian itu kembali ke Xinjiang dan mendapati

bahawa rakannya telah pun memulakan suatu kelompok orang-orang percaya, akan tetapi dia takut keluarganya yang beragama Islam akan mendapat tahu dan membunuhnya. Berdoalah bagi dia!

Seorang Kristian telah bertemu dengan seorang saudara Uyghur di Xinjiang. Orang Uyghur itu berkata apabila dia membaca Matius 6:12 “Dan ampunilah kami akan kesalahan kami, seperti kami juga mengampuni orang yang

bersalah kepada kami,” dia mengumpulkan semua penghutangnya dan memberitahu mereka: “Oleh kerana Yesus Kristus mengampuni hutangku, saya akan mengampuni semua hutangmu juga.” Dengan segera semua penghutangnya percaya akan Yesus.

Kesaksian dari Kyrgyzstan

Sekumpulan orang-orang Kristian diminta mendoakan orang-orang sakit di suatu

hospital Kyrgyztan. Mula-mula terdapat sedikit masalah, tetapi kemudiannya mereka dibenarkan masuk. Pengurus hospital berkata, “Saya tidak boleh benarkan kamu masuk bangunan hospital, tetapi saya tidak mau terlepas peluang kerana mungkin ada di antara orang-orang di sini akan disembuhkan.” Oleh itu ramai pesakit dibawa keluar dari bangunan hospital dan diletakkan di bawah beberapa pokok besar. Di antara mereka adalah seorang wanita tua yang menarik perhatian kumpulan itu. Dengan jarinya

dia menunjuk ke tingkat di tingkat ke2 bangunan itu dan berkata, "Itulah bilikku. Satu tahun yang lalu semasa saya terbaring di katil, seorang melangkah menembusi dinding dan datang berdiri di tepi katilku. Dia berkata, "Nama Saya Yesus. Kamu masih belum kenal Saya, tetapi dalam masa satu tahun, Saya akan mengutus hambaKu, dan dia akan beritahu kamu segalanya tentang saya." Wanita itu berkata, "Hari ini sudah genap satu tahun dan kamu telah beritahu saya tentang Yesus. Tetapi saya

orang Islam. Kalau saya terima Yesus, keluarga saya akan menentang saya." Salah seorang dari kumpulan itu berkata kepadanya, "Tetapi Yesus akan memberikan kamu hidup yang kekal." Akhirnya wanita itu bertaubat, berpaling kepada Kristus dalam iman, dan juga disembuhkan.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim